

## UNIT 8

### KONSEP DAN TEORI KEBUDAYAAN

#### HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir unit ini anda dapat:

1. Mengenal pasti konsep dan ciri-ciri pengertian kebudayaan.
2. Menyenaraikan unsur-unsur dan pengaruh yang terdapat dalam kebudayaan Melayu.
3. Menjelaskan asas dan perubahan dalam kebudayaan Melayu.

#### PENGENALAN

Budaya yang dikonsepsikan oleh orang ramai selalunya meliputi hal-hal mengenai kesenian. Sedangkan pengertian budaya dalam pengajian antropologi adalah suatu jalinan yang kompleks. Perlakuan manusia yang dipelajari (*learned behaviour*) adalah menjadi asas kepada pertumbuhan budaya. Perlakuan-perlakuan manusia yang diterima dari proses pembelajaran terjalin dalam suatu sistem yang tersusun rapi, iaitu merupakan budaya. Definisi budaya itu berbagai-bagai sebagaimana yang diberikan oleh sarjana-sarjana antropologi budaya. A.L. Kroeber dan C. Kluckhohn pernah mengumpul sehingga 160 definisi budaya yang telah digunakan oleh sarjana-sarjana. Kemudian mereka menganalisis dan membuat kesimpulan.

Budaya itu dapat dilihat dari aspek perlakuan dan hasil perlakuan anggota-anggota masyarakat. Perlakuan manusia didorongkan oleh berbagai-bagai aspek lain, seperti norma, nilai, peraturan, adat resam, kepercayaan, undang-undang dan sebagainya. Perlakuan ini adalah hasil dari berbagai-bagai proses dan ini juga yang melahirkan berbagai-bagai peralatan budaya. Sesuatu sistem itu merupakan perlakuan individu dan gabungan dengan alat-alat yang dihasilkan mempunyai perkaitan dengan sesuatu kebudayaan.



Adakah anda mengetahui konsep kebudayaan di Malaysia?

#### Pengertian Etnografi:

- Gambaran empirikal tentang budaya dan organisasi masyarakat tertentu.
- Satu himpunan prosedur penyelidikan yang digunakan untuk penyelidikan berbentuk kualitatif yang dilakukan secara intensif.
- Sebagai satu mata pelajaran akademik yang berbentuk perbandingan antara budaya
- Satu bentuk penyelidikan budaya yang menumpukan perhatian kepada membuat gambaran dan huraian tentang sesebuah budaya. Tujuan utama etnografi ialah memahami cara hidup dari sudut pandangan anggota masyarakat yang dikaji.

### Paradigma Etnografi (*Antropologi*):

- Holistik budaya dilihat sebagai satu keseluruhan yang bertautan antara satu komponen dengan komponen yang lain.
- Semiotik melihat budaya sebagai himpunan lambang.
- Behavioristik melihat fenomena budaya dari segi perlakuan anggota masyarakat.

### Pengertian Budaya/Kebudayaan

- Kebudayaan merupakan satu keseluruhan yang kompleks mengandung ilmu, pengetahuan, kepercayaan, kesenian, kesusilaan, undang-undang, adat resam dan lain-lain kebolehan serta kebiasaan yang diperolehi oleh manusia sebagai anggota masyarakat.

**(Edward B. Tylor: *Primitive Culture*)**

- Kebudayaan terdiri dari pola-pola tingkah laku yang eksplisit dan implisit, yang diperolehi dan disampaikan melalui simbol-simbol..., teras kebudayaan terdiri daripada idea-idea yang bercorak tradisi (yang terbit dan dipilih dari proses sejarah) terutama sekali nilai-nilai yang terikat dengannya mempunyai superorganik. Kewujudannya mengatasi kewujudan sebarang individu atau organik. Maksudnya, walaupun kebudayaan diamalkan oleh semua, tetapi kewujudannya bebas daripada sebarang individu yang tertentu. Contohnya, bahasa sesuatu bangsa tidak bergantung kepada seseorang. Bahasa itu akan berakhir jika semua bangsa itu mati dan segala bahan yang ditulis atau dirakamkan musnah sama sekali. Jika tidak, bahasa itu akan terus diperturunkan sebagai satu hasil superorganik.

**(A.L. Kroeber dan Clyde Kluckhohn)**

- Sebagai satu keseluruhan cara hidup manusia, kebudayaan meliputi hasil-hasil kehidupan kelompok yang bercorak kebendaan dan bukan kebendaan. Budaya kebendaan atau artifek merupakan segala ciptaan manusia yang berbentuk objek-objek tertentu, seperti alat, bangunan, senjata dan kenderaan. Budaya bukan kebendaan atau mentifak adalah sesuatu ciptaan manusia berbentuk abstrak seperti kepercayaan, adat resam, undang-undang dsb.

**(Malinowski: *A Scientific Theory of Culture*)**

### KONSEP BUDAYA

- Kebudayaan itu dikatakan sebagai satu keseluruhan cara hidup yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat (yang merangkumi cara bertindak, berkelakuan, dan berfikir serta segala hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat, tamadun, peradaban, kemajuan (akal budi).
- Kebudayaan itu berupa suatu keseluruhan kompleks yang terdiri daripada pengetahuan, kepercayaan, kesenian, akhlak, peraturan, adat resam dan segala keupayaan dan tingkah laku yang dimiliki oleh seseorang yang menjadi anggota masyarakat.
- Kebudayaan berupa suatu set simbol-simbol yang wujud dan dikongsi bersama oleh anggota masyarakat pendokongnya.

## Asal Usul Masyarakat dan Kebudayaan Melayu

- Teori penghijrahan manusia dari utara yang dikatakan berlaku pada Zaman Logam, sekitar tahun 2,5000 sebelum masihi. Hendrick Kern dan Hein Gelden membuat tafsiran terhadap beberapa logam gangsa purba yang ditemui (berusia 2,500 hingga 1,500 SM) di beberapa tempat di rantau Asia Tenggara.
- Kesemua logam dikatakan berasal dari **Dongsong** di utara Vietnam, bahan-bahan itu sebagai “Kebudayaan Dongsong” dan asal-usul masyarakat di alam Melayu. **Teori Affinities Gendang Dongsong** dikaitkan dengan wujudnya persamaan daripada segi bahan, bentuk dan motif-motif ukiran yang terdapat di Dongsong.
- Para penghijrah menjadi masyarakat peribumi di alam Melayu, membawa bahasa Astronesia. Berlaku dalam dua gerombolan : (**Melayu Proto** menjadi nenak moyang orang Asli: **Melayu Deutro** menjadi nenek moyang orang Melayu).
- Sekiranya diteliti, terdapat banyak kelemahan dalam ramalan-ramalan yang menyatakan nenek moyang orang Asia Tenggara termasuk orang Melayu sebagai bangsa penghijrah. Sebelum mendalami analisis ini, patut juga kita menyedarinya bahawa apa yang dinamakan sebagai “Teori Affinities Gendang Dongsong” itu ditimbulkan oleh para penyelidik barat pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Seperti mana dalam bidang-bidang penyelidikan pada zaman sebelum perang itu belum begitu maju lagi. Selain daripada segi kemajuan ilmu yang belum mantap, ramalan tersebut juga dipengaruhi oleh sikap orang barat terhadap negara-negara jajahan mereka.



Anda perlu bincangkan hujah-hujah yang dapat menolak ramalan para penyelidik tentang asal usul orang-orang Melayu sebagai bangsa penghijrah.

## Teori Asal Usul Masyarakat Melayu

- Sejarah asal usul masyarakat rantau Asia Tenggara seharusnya ditinjau pada zaman yang melampaui Zaman Logam, kerana terdapat ilmu bantu terutama dalam bidang penyelidikan geologi dan penemuan arkeologi baru yang menunjukkan sejarah masyarakat tidak bermula pada zaman Dongsong.
- Berdasarkan bukti-bukti saintifik dalam bidang penyelidikan geologi, bumi mengalami beberapa zaman air batu yang dinamakan zaman Pleistocene.
- Fenomena Fizikal: permukaan bumi di kawasan-kawasan ke arah utara latitude 20U dan ke arah selatan latitude 20 S dilitupi air batu paling tebal (3km). Kawasan yang paling sedikit dilitupi air batu adalah di sepanjang garisan khatulistiwa (**Lingkar Khatulistiwa: Benua Arab, Afrika, Asia Tenggara dan Lembangan Amazon**).
- Keadaan alam semula jadi di Asia Tenggara yang kaya dengan tanah subur, adanya sungai-sungai yang besar dan tidak banyak bencana alam adalah lebih sesuai untuk manusia mengembangkan kebudayaan awal.
- Selain memanfaatkan bidang ilmu bantu geologi dan kesesuaian fenomena alam semula jadi, ramalan penghijrahan manusia yang dikemukakan oleh Hendrik Kern dan Robert Van Heina-Geldern juga dapat ditolak berdasarkan bukti-bukti arkeologi terbaru. Pada Mei 1979, para ahli arkeologi telah menemui fosil *primate* di kawasan Ponduang, Burma. Dengan menggunakan kaedah Karbon-Radio 14

(Radio-carbon 14), tengkorak manusia itu dipercayai berumur 40 juta tahun. Selain itu, terdapat banyak lagi tengkorak tua di rantau ini telah ditemui, antaranya yang dikenali sebagai *Pithecanthropus Mojokerto* dijumpai di Jawa yang dipercayai berusia 670,000 tahun dan *Pithecanthropus Trinil* dijumpai di Jawa yang dipercayai berusia 600,000 tahun. Sebaliknya, fosil primate tertua yang ditemui dalam lingkungan Yunan di kawasan hemisfera utara adalah *Sinanthropus Pekinensis* atau dipanggil juga manusia Peking (*Peking Man*) dan tengkorak ini hanya berusia 550,000 tahun.



Oleh itu, jelas menunjukkan fosil-fosil *primate* yang ditemui dalam lingkungan Asia Tenggara jauh lebih tua daripada yang ditemui di kawasan hemisfera utara dalam lingkungan Yunan itu. Hasil penyelidikan arkeologi ini merupakan satu bukti yang menunjukkan kepenghunan manusia di Asia Tenggara jauh lebih awal daripada kawasan di utaranya. Justeru itu, tidak mungkin masyarakat rantau ini termasuk masyarakat Melayu dapat dianggap sebagai penghijrah dari selatan China.

Berdasar disiplin ilmu geologi dan arkeologi, kita seharusnya dapat menolak ramalan-ramalan yang menyatakan bangsa Melayu sebagai penghijrahan dari utara (Yunan, Selatan China). Kedua-dua bidang ilmu ini dengan jelas dan sahih membuktikan bahawa manusia sudahpun wujud di alam Melayu pada Zaman Plestosin, iaitu suatu zaman yang beratus tahun lebih awal daripada zaman logam yang dikatakan 2,500 tahun sebelum masihi.

## ASAS KEBUDAYAAN MELAYU

Dalam penelitian awal, nama-nama kerajaan seperti *Sriwijaya*, *Me-lo-yu*, *Chieh-cha* dan *Chih-tu* tidak pernah ditemui dalam mana-mana sumber sejarah orang Melayu, sama ada dalam karya kesusasteraan Melayu yang berbentuk lisan atau tulisan, mitos, lagenda mahupun daripada sebarang bayangan kenangan yang diwarisi dari nenek moyang mereka pada masa lampau. Sekiranya sesebuah tamadun purba yang pernah wujud mempunyai pertalian dengan sesuatu kebudayaan, biasanya mempunyai persejarahan yang tersendiri, sama ada dicatatkan atau meninggalkan artifak atau monumen.

Daripada segi catatan, misalnya ada *Nagakrtagama* dan *Pararaton* yang menunjukkan kewujudan kerajaan Aceh. Ada Sejarah Melayu (Sulalatu Salatin) bagi menunjukkan kewujudan kerajaan Melaka. Ada *Babab Tanah Jawi* bagi menunjukkan kewujudan kerajaan Jawa-Islam. Ada Yazawin bagi menunjukkan kewujudan kerajaan Thai awal. Dalam bentuk monumen dan artifak, misalnya ada Candi Burubudur dan Candi Mendut yang menunjukkan



kewujudan kerajaan Hindu-Buddha di Jawa. Ada Angkor Watt yang menunjukkan kewujudan kerajaan Khmer di Kemboja. Ada arca Buddha berwajah masyarakat tempatan (mon khmer) dan Inskripsi Ligor yang ditemui di selatan Thai yang menunjukkan kewujudan kerajaan orang Mon di kawasan tersebut. Ada *Pintu Gerbang Pemisah* yang menunjukkan kewujudan hubungan masyarakat Bali dengan kerajaan Majapahit.

Hakikat adalah sebaliknya apabila membicarakan tentang perkaitan *Sriwijaya*, *Me-lo-yu* (Jambi), *Chieh-cha* dan *Chih-tu* dengan sejarah kebudayaan Melayu. Ini adalah kerana ia bukan sahaja tidak mempunyai tinggalan persejaraan sendiri, baik daripada segi tulisan mahupun monumen dan artifak, malah ia juga tidak terakam dalam memori masyarakat Melayu tempatan seperti mitos dan legenda ataupun apa-apa jua.



Apakah tidak mungkin kita mempersoal dan meragui adakah kerajaan-kerajaan yang dinamakan *Sriwijaya*, *Me-lo-yu*, *Chieh-cha* dan *Chih-tu* benar-benar mempunyai pertalian dengan sejarah kebudayaan Melayu? Atau khususnya apabila memperkatakan tentang Sriwijaya jika ia sememangnya wujud adakah ia hanya koloni Jawa seperti mana diutarakan oleh Stutterheim? Persoalan lain, adakah kerajaan-kerajaan purba itu benar-benar telah memainkan peranan penting dalam mencorakkan kebudayaan masyarakat lampau di rantau ini? Adakah ia memberikan sumbangan kepada ketamadunan dan kebudayaan Melayu?

Dalam Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu) walau bagaimanapun menyemat 1001 macam kebenaran dan keunikannya yang tersendiri tentang persejaraan kebudayaan Melayu. Namun kebenaran dan keunikannya perlu dikaji dan diselidiki dalam pelbagai aspek yang meluas dan universal. Hal ini kerana, keunikan dan kebenarannya terselindung dibalik isinya yang tersurat. Antara peranan penting yang dimainkan oleh karya ini adalah bertindak sebagai salah satu rujukan penting dalam mengkaji perihal suasana kehidupan masyarakat Melayu zaman dahulu terutamanya pada abad ke-14 dan ke-15. Hal ini kerana, jika menulis berkaitan dengan kehidupan masyarakat Melayu zaman dahulu berdasarkan sumber barat terutamanya sumber yang dihasilkan oleh sarjana kolonial seperti R.O.Winstedt, Frank Swettenhem dan lain-lain lagi sepastinya akan menimbulkan masalah. Hal ini kerana, kebanyakan tafsiran ataupun interpretasi yang dikemukakan oleh sarjana ini lazimnya berdasarkan kaca mata barat. Kebanyakan mereka dilihat memanipulasikan soal entnosentrisme. Entnosentrisme secara mudahnya ialah kepercayaan bahawa kebudayaan sendiri lebih unggul, tinggi nilainya dari kebudayaan lain.

Konsep ini juga mendorong kepada menilai kebudayaan lain berdasarkan kepada standard kebudayaan sendiri. Contohnya, seperti orang Eropah yang melihat masyarakat Asia dengan persepsi yang ganjil apabila masyarakat Asia makan dengan menggunakan tangan dan memasuki rumah mereka tanpa alas kaki sedangkan kebanyakan masyarakat Eropah makan dengan menggunakan sudu dan garpu serta memasuki rumah mereka dengan menggunakan alas kaki. Oleh sebab itulah, terdapat sarjana seperti Zainal Abidin Wahid yang menekankan pensejaraan peribumi ditulis oleh


penulis peribuminya kerana hanya masyarakat peribumi itu sahaja yang dapat memahami suasana kehidupan masyarakatnya. Hal inilah yang membawa kepada kemunculan konsep Malaysia-sentrik, iaitu karya sejarah atau apa-apa karya yang mempunyai nilai sejarah tentang negara ini atau satu bahagian yang dahulunya terangkum dalam entiti Melayu. Berdasarkan konsep ini, hanya sarjana tempatan sahaja dilihat lebih layak menulis tentang sejarah Malaysia.

Menurut Zainal Abidin Wahid lagi “Sejarah Melayu benar-benar merupakan satu sumber terpenting bagi pengkajian Sejarah Alam Melayu umumnya dan Melaka khususnya pada zaman sebelum kejatuhan Melaka ke tangan Portugis. Tidak ada buku atau manuskrip lain yang boleh menggambarkan masyarakat Melaka dengan cara yang lebih baik dan jelas dari Sejarah Melayu”. Selain itu, keunikan teks ini juga boleh dilihat berdasarkan penggunaan bahasa dalam penghasilannya. Kita dapat melihat bagaimana bangsa Melayu dahulukala dapat berfikir secara kreatif, bijaksana dan mendalam dalam bahasanya sendiri. Mereka mampu berfikir melalui bahasa figuratif, bahasa metafora, tidak hanya melalui bahasa literal dan melalui fikiran yang linear tetapi juga secara lateral dan kreatif. Jikalau kita belajar daripada sejarah budaya dan tamadun bangsa Melayu itu, kita akan dapati bahawa tiga akar tunjang, iaitu bahasa Melayu, budaya Melayu dan agama Islam itulah “model” yang membentuk pandangan dan jati diri atau identiti Melayu sebagai suatu bangsa yang bebas, berdaulat, bermaruah, berakal budi, bijaksana dan bermoral tinggi sepanjang zaman.

Selama lebih 430 tahun dunia Melayu-Indonesia berada dalam zaman globalisasi penjajahan yang dibawa oleh tiga kuasa Barat, Portugis, Belanda dan Inggeris. Hal yang sangat menakjubkan ialah bangsa Melayu itu masih mengekalkan kedaulatan bangsanya kekal hingga hari ini. Kita tidak menjadi suku kaum yang lemah seperti suku kaum peribumi di Amerika yang tamadun mereka, budaya mereka dan bahasa mereka dimusnahkan oleh kuasa penjajah dari Eropah. Orang Melayu terus dapat berkembang menjadi bangsa atau nation yang mempunyai kerajaan, agama, budaya dan kesusasteraan yang tinggi.

Sementara itu, kajian terhadap karya pensejarahan tradisional perlu dilihat berdasarkan kajian yang tersirat. Kajiannya tidak boleh dilihat secara mata kasar sahaja kerana kebenarannya tersirat disebalik yang tersurat. Contohnya seperti membincangkan tentang faktor yang memudahkan masyarakat Tanah Melayu memeluk Islam walaupun kepercayaan Hindu-Buddha telah lama menapak dalam hati dan sanubari mereka. Dalam isu ini, kita dapat melihat bahawa betapa terbukanya minda Melayu. Kita melihat apabila budaya Hinduisme dan Islam yang datang secara aman, tidak melalui paksaan, tidak melalui pedang dan peperangan, maka budaya dan kepercayaan ini mudah berkembang di rantau ini. Keterbukaan orang Melayu dapat dilihat apabila orang Melayu sanggup melakukan suatu proses transformasi budaya, tamadun dan pemikiran yang cukup revolusioner. Namun, apabila budaya atau tamadun dari luar itu cuba dipaksakan kepada orang Melayu melalui keganasan, peperangan dan penjajahan, maka mereka akan menolaknya. Orang Melayu menolak budaya Portugis kerana bangsa Eropah datang secara agresif; mereka memerangi orang Melayu dan merampas kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1511. Itulah sebabnya mengapa orang Melayu “tidak masuk Kristian” dan tidak menerima bahasa Portugis dan budaya mereka, padahal Portugis memerintah di Melaka selama lebih seratus tahun (hingga tahun 1641).

Pada hakikatnya pada zaman mana sekalipun tidak pernah wujud satu kebudayaan yang seragam di rantau ini. Sejak dahulu hingga ke hari ini telah terdapat tidak kurang daripada enam corak kebudayaan di rantau ini yang pola perkembangannya masing-masing dibentuk oleh teras ideologi



(anutan agama) yang tersendiri. Di Thailand, wujud kebudayaan yang dibentuk oleh anutan agama Buddha Threraveda. Di Bali wujud kebudayaan yang dibentuk oleh anutan agama Buddha Barahman. Dalam kalangan beberapa masyarakat peribumi di merata tempat di Borneo dan Nias masih wujud kebudayaan yang dibentuk oleh paganisme dan animisme. Di Jawa Tengah wujud kebudayaan yang dibentuk oleh anutan agama secara sinkritistik yang menggabungkan unsur-unsur kepercayaan asli purba, Hindu, Buddha, Islam dan Kristian. Di kawasan Selat Melaka wujud kebudayaan yang dibentuk oleh anutan agama Islam. Di Utara Filipina wujud kebudayaan yang dibentuk oleh anutan agama kristian. Keadaan ini dapat menjadi petunjuk tentang tidak adanya suatu pengaruh luar yang dominan pada sesuatu ketika di masa lampau yang mampu menseragamkan kebudayaan rantau ini berdasarkan teras anutan agama yang sama.

Adalah lebih banyak manfaatnya jika kebudayaan Melayu dilihat daripada perspektif ini. Selain dapat mengalih pandangan yang selama ini hanya terikat kepada acuan yang dibentuk berdasarkan catatan China dan batu-batu bersurat. Pandangan dari perspektif secara perbandingan ini adalah lebih jelas dan lebih bermanfaat untuk diperkatakan. Sekurang-kurangnya ia dapat mengingatkan kita bahawa kebudayaan yang wujud di rantau ini sebenarnya dalam keadaan yang pelbagai ragam bukannya tanpa jenis atau seragam.

Pada dasarnya dalam zaman mana sekalipun, apa yang dinamakan kebudayaan Melayu itu sentiasa dirujuk kepada kebudayaan yang tumbuh dan berkembang dalam kalangan masyarakat peribumi di kawasan Selat Melaka, khususnya di Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera tengah dan timur serta Brunei. Secara praktiknya, istilah “Melayu” itu sangat berkait dengan unsur-unsur yang lahir dari Asia Tenggara dan mempunyai hubungan dengan Islam. Umpamanya masyarakat Cham di Kemboja, masyarakat Jawa, Bugis, Batak, Ambonlam bentuk dan Madura di Indonesia, masyarakat Malanau di Sarawak dan Banjaru, Suluk dan Ilanun di Sabah yang beragama Islam juga menganggap diri mereka sebagai Melayu. Oleh itu, sebarang interpretasi terhadap konotasi “Melayu”, sama ada dalam bentuk Kata Nama mahu pun Kata Sifat seperti ‘Orang Melayu’, ‘Kebudayaan Melayu’, “Bahasa Melayu’, ‘Undang-undang Melayu’ adalah sangat berkait rapat dengan agama Islam.

## PERUBAHAN BUDAYA MASYARAKAT

**P**erubahan berlaku kerana budaya itu dinamis, iaitu berlaku perubahan dari masa ke masa. Perubahan itu adakala terjadi dalam jangka masa yang lama dan adakala berbentuk reformasi atau revolusi. Evolusi budaya ialah suatu proses perubahan masyarakat dan budaya yang mengambil masa yang lama. Perubahan yang berlaku itu lebih berupa secara bersendirian, iaitu tidak ada tekanan dari luar. Konsep perubahan budaya pula merupakan perubahan yang terjadi dalam jangka masa yang lebih pendek dan mungkin hasil dari pertembungan dengan luar atau lebih bersifat tekanan dari luar. Perubahan budaya itu terjadi secara asimilasi dan akulturasi. Proses evolusi yang mengambil masa lama itu dalam antropologi dikatakan “*directional processes*” yang dilihat dari jauh. Proses evolusi secara berulang-ulang itu dipanggil proses “*recurrent*”.



Inovasi ialah proses perubahan budaya yang besar tetapi terjadi dalam jangka masa yang tidak begitu lama. Penemuan baru disebarkan kepada masyarakat, dan budaya itu diterima serta dipelajari dan akhirnya menjadi kebiasaan dalam masyarakat. Penemuan (*discovery dan invention*) ialah penemuan unsur budaya baru. Bila penemuan itu diserap ke dalam budaya maka ia dikatakan penciptaan.



Proses penyebaran unsur-unsur budaya dalam masyarakat yang sama disebut difusi dalam masyarakat yang sama (*intra-society diffusion*) dan proses difusi antara masyarakat itu ialah "inter-society diffusion". *Intra-society diffusion* selalunya merupakan penyebaran dan peresapan unsur-unsur budaya baru yang ditemui dari proses inovasi dan penciptaan. Dalam antropologi proses difusi budaya itu dimaksudkan penyebaran dan peresapan unsur-unsur budaya daripada satu masyarakat kepada satu masyarakat lain. Proses ini berlaku mungkin secara dibawa oleh orang-orang yang berpindah, iaitu proses migrasi, terutama dalam zaman pra-sejarah yang kerap kali berlaku migrasi kelompok-kelompok tertentu. Difusi budaya boleh berlaku kerana kedatangan individu-individu dari luar, seperti pengembara, pedagang, pelaut dan sebagainya. Misalnya, dalam perkembangan unsur-unsur budaya Hindu ke kawasan ini. Difusi juga boleh berlaku dengan pertembungan kelompok penduduk tempatan dengan kelompok jiran dengan berbagai-bagai cara pertemuan. Cara pertama ialah hubungan dalam bentuk daripada masing-masing budaya itu hampir tidak berubah yang disebut sebagai *symbiotic*.

Difusi peresapan budaya melalui pedagang-pedagang berlaku secara sukarela yang tidak disedari. Difusi budaya juga dilakukan oleh missionary atau pengembang agama, cara ini dilakukan dengan sengaja. Peresapan budaya secara tekanan (*imposed*) ialah melalui peperangan, penaklukan dan seumpamanya, di sini terdapat unsur paksaan. Kini proses difusi tersangat cepat berlaku kerana terdapat berbagai-bagai kemudahan sistem komunikasi yang tersebar luas, seperti radio, tv dan filem.

Unsur-unsur budaya selalu bergerak, tersebar atau meresap dari satu budaya kepada satu budaya lain dengan berbagai-bagai cara dan jalinan difusi itu merupakan satu kompleks yang tersendiri. Perpindahan budaya itu menjadi satu gabungan atau kompleks yang agak sukar untuk dipisah-pisahkan. Sesuatu unsur budaya itu mempunyai kait mengait dengan unsur-unsur budaya lain yang menjadikannya sebagaimana satu kompleks tersendiri, misalnya jualan kereta ke negeri lain, juga melibatkan hal-hal lain berkaitan dengan kereta.

Proses asimilasi ini berlaku dalam kelompok-kelompok yang budaya berbeza, mereka saling bergaul antara satu sama lain, dalam masa yang lama sehingga budaya-budaya dari kelompok-kelompok itu berubah saing menyesuaikan menjadi satu. Dalam komuniti Cina dan Siam di Kelantan mengalami proses asimilasi dengan budaya orang Melayu. Proses ini berlaku apabila terdapat pergaulan secara intensif dan luas dalam jangka masa yang lama. Kelompok-kelompok itu mesti mempunyai sikap toleransi dan simpati antara satu sama lain. Antara penghalang dalam proses ini ialah bila terdapat perasaan superioriti pada




individu dalam budaya tertentu terhadap budaya yang dihadapinya, dan sifat takut kepada kekuatan budaya lain.

Proses akulturasi berlaku bila budaya tempatan bertembung dengan budaya asing, dan kemudian berlaku proses penerimaan budaya asing sesuai dengan kehendak-kehendak tempatan sehingga tidak menghilangkan identiti budaya sendiri. Proses ini berlaku kepada budaya Melayu sejak dulu kala, melampaui batas-batas tempatan. Proses ini berlaku oleh kerana adanya migrasi, pertembungan secara individu dengan budaya asing. Penerimaan unsur-unsur budaya asing itu tidak pula bertentangan dengan kehendak-kehendak budaya sendiri. Proses ini amat pesat berlaku apabila berlaku campur tangan kolonial Barat di negara-negara yang mundur. Bersama dengan penyebaran agama-agama besar di dunia ini juga bermakna penyebaran budaya melalui proses akulturasi ini berlaku secara leluasa.

Dalam pengajian anthropologi budaya, tumpuan kepada penyelidikan proses akulturasi ini semakin diminati dan berkembang luas. Berbagai-bagai method dan pendekatan penyelidikan tentang ini telah dilakukan oleh sarjana-sarjana. Dalam penyelidikan ini memerlukan pengetahuan yang luas kerana ia melibatkan usaha perbandingan antara satu budaya dengan satu budaya lain. Unsur-unsur budaya asing yang mudah diterima ialah yang bercorak atau bersifat konkrit, seperti budaya kebendaan (*material culture*), dan unsur-unsur budaya yang mempunyai fungsi atau gunanya yang tinggi kepada budaya yang menerima. Sesuatu unsur budaya yang diterima itu adalah yang mudah disesuaikan dengan keadaan masyarakat yang menerima. Unsur-unsur yang tidak sesuai dan dianggap sukar adalah lambat diterima.


#### Perubahan Unsur-unsur Budaya Melayu:



Unsur-unsur budaya yang sukar diganti ialah unsur-unsur budaya yang sudah meluas dalam masyarakat dan diamalkan secara turun temurun, seperti sistem kekerabatan. Kedua, unsur-unsur budaya yang dialami dalam proses sosialisasi pada peringkat awal juga sukar digantikan, seperti makanan. Makanan itu adalah sukar diubah. Ketiga, unsur yang melibatkan agama dan kepercayaan juga adalah sukar diganti dan diubah. Begitu juga ritual yang berkaitan dengan hal ini.

Individu yang dikatakan “moden”, “maju” dan “progresif” lebih mudah menerima unsur-unsur budaya asing berbanding dengan individu “kolot” atau “kampungan”. Proses urbanisasi juga memainkan peranan penting dalam menentukan pesatnya proses penerimaan. Pendidikan juga menjadi ukuran dalam menentukan mudah atau tidak seorang individu itu menerima unsur-unsur budaya asing. Lagi satu faktor ialah umur, iaitu antara golongan tua dan golongan muda. Golongan muda itu mudah mengalami *devian* dan menerima unsur-unsur budaya asing berbanding dengan golongan tua yang lebih kuat pegangan kepada tradisi.

Peringkat perubahan selalu dikatakan tahap krisis, iaitu transisi antara golongan yang kuat ikatan kepada tradisi dengan golongan muda yang inginkan perubahan. Konflik sosial muncul dan perdebatan atau ketegangan sosial ini kerap berlaku dalam masyarakat. Golongan-golongan itu menentukan dasar dan prinsip masing-masing. Antaranya golongan tua dengan golongan muda; golongan berpendidikan dengan golongan kurang pelajaran; nasionalisme dengan liberalisme; golongan maju, moden dengan golongan kolot; golongan urban dengan golongan kampung. Konflik dan ketegangan sosial ini jelas sekali apabila berlaku tekanan budaya dengan pesatnya penerimaan unsur-unsur budaya asing. Dengan ini juga menyebabkan timbul golongan-golongan penentang. Golongan yang selalu terlibat ialah pertubuhan keagamaan yang berusaha mempertahankan tradisi. Adakala golongan agama ini melarikan diri daripada masyarakat yang dianggap menghadapi kacau bilau. Inilah yang menimbulkan gerakan-gerakan *cults*, *messianic movements*, *nativistic movements* dan sebagainya. Gerakan-gerakan ini berusaha mempertahankan identiti sendiri.



<b>A,B,C dan D</b>	unsur-unsur yang kekal sejak daripada asas pembinaannya pada zaman lampau hingga kini
<b>E</b>	unsur yang ditinggalkan
<b>F</b>	unsur yang terbentuk dalam kebudayaan Melayu itu sendiri
<b>G</b>	unsur luar yang dibawa masuk
<b>H</b>	unsur luar yang dibawa masuk tetapi unsur asing itu ditinggalkan semula

### PENGARUH-PENGARUH DALAM KEBUDAYAAN MELAYU

**M**enurut G. Coedes penduduk peribumi nusantara pada zaman prasejarah sudah memiliki peradaban mereka sendiri. Dalam bidang ekonomi mereka sudah menjalankan usaha-usaha pertanian padi, memelihara binatang, menguasai ilmu pelayaran dan penggunaannya. Dari segi agama dan kepercayaan pula, Linton membuat hipotesis bahawa orang melayu pada zaman prasejarah sudah mempunyai sistem kepercayaan kepada kuasa-kuasa luar biasa dan animisme, makhluk alam ghaib yang kononnya menguasai alam semesta. Pada umumnya, masyarakat asli telah sedia ada mempunyai kepercayaan animisme dan tatranya yang tidak dipengaruhi oleh sebarang unsur lain. Maksud bagi unsur luar pula adalah kebudayaan yang berasal daridatara atau negeri lain. Antara unsur luar yang terdapat di dalam masyarakat melayu ialah seperti Islam, Hindu dan Budha. Menurut catatan Fa-hsien, penduduk Jawa Barat menyembah berhala dan menganut agama hindu dari aliran Brahmaisme, Saivaisme dan Visyanisme. Kira-kira tahun 420 masihi seorang raja dari Kashmir, India bernama Gunaarman telah mengunjungi alam melayu untuk menyebarkan agama Budha. Dan Islam mula tersebar di alam melayu sejak abad ke 13 masihi. Islam tiba di Pasai sekitar tahun 1297 masihi dan di Terengganu pada 1303 masihi. Dengan kedatangan semua pengaruh asing ini perkembangan dalam masyarakat telah berlaku, begitu juga dengan kebudayaan melayu. Perkembangan ini meliputi bidang ekonomi, politik, kepercayaan, adat istiadat, undang-undang, kesusasteraan dan kesenian.

Pada zaman prasejarah mereka belum mempunyai sistem politik yang kompleks, tetapi mereka sudah mengamalkan sistem mesyuarat yang amat menitikberatkan rundingan dan kata sepakat untuk melakukan sesuatu pekerjaan. Pada peringkat awal, susunan organisasi tersebut adalah ndalam bentuk unit-unit perkampungan seperti dewasa ini. Perpaduan di kalangan masyarakat melayu pada masa lampau berdasarkan asas kekeluargaan dan kesukuan. Menurut Koentjaraningrat bermula dari organisasi desa, suku-suku itu berkembang menjadi sebuah negara melalui penaklukan oleh salah satu persekutuan kelompok-kelompok yang kecil. Dengan itu struktur organisasi politik Melayu tradisional itu bermula dari desa dan kampung, kemudian diikuti dengan daerah atau jajahan dan seterusnya negeri. Ketua kampung merupakan pemimpin yang terkecil. Pembesar menjadi pemimpin pada peringkat daerah atau jajahan dan raja menjadi pemimpin atau ketua organisasi politik pada

peringkat negeri, menurut Ralph Linton, organisasi politik penduduk alam melayu sebelum dipengaruhi peradaban luar merupakan unit-unit politik yang kecil pada peringkat desa tersebut dibincangkan melalui mesyuarat di kalangan anggotanya terutama di kalangan anggotanya yang sudah tua. Pada ketika ini unit yang terkecil itu penduduknya biasanya terdiri daripada anggota-anggota yang mempunyai pertalian darah atau berasal dari suku yang sama.

Apabila pengaruh Hindu Budha mulai memasuki alam melayu, organisasi politik pada awal masihi mulai berkembang daripada bantuan penguasaan bagi suatu kawasan yang kecil kepada sebuah organisasi politik yang besardan menguasai jajahan yang luas. Sistem pentadbiran politik Hindu telah diserap oleh orang melayu dan dilaksanakan setelah dilakukan pelbagai penyesuaian. Ketua negara yang memimpin kerajaan dinamakan raja iaitu istilah yang dipinjam daripada bahasa sanskrit. Konsep raja yang berkembang dalam masyarakat Melayu adalah sebagai pemimpin kerajaan. Di samping itu raja juga dikatakan berketurunan dewa-dewa. Konsep dewaraja ialah kepercayaan dan salasilah raja-raja yang diwujudkan secara ciptaan tadi dikaitkan dengan dewa-dewi dari kalangan penjelmaan daripada Shiva, Vishnu atau Brahma, lembut, mamang atau makhluk halus yang tidak dapat dipandang mata dari sudut asal usul dan tradisi keturunan nenek moyang mereka. Ini adalah warisan dari tradisi Melayu-Hindu.

Selepas raja Melaka menganut agama Islam, sistem pemerintahan pun disesuaikan dengan agama Islam. Walaubagaimanapun pengaruh hindu masih lagi berlanjutan. Beberapa perubahan telah berlaku misalnya gelaran Sri Maharaja yang dipakai dalam kerajaan Srivijaya telah diubah kepada gelaran Sultan seperti raja-raja Islam di India dan asia barat.

Menurut E. B Taylor, kepercayaan kepada makhluk halus dan ruh merupakan asas kepercayaan agama yang mula-mula tumbuh dalam alam pemikiran manusia primitif. Kepercayaan animisme merupakan satu bentuk culturals universals yang wujud di kalangan suku-suku primitif. Dalam kepercayaan rakyat di nusantara terdapat anggapan bahawa roh orang yang telah mati boleh masuk ke dalam tubuh binatang, misalnya suku Nias, di sebuah pulau yang terletak di barat Sumatera mempercayai seekor tikus yang keluar masuk rumah dianggap sebagai roh daripada orang yang telah mati beranak. Kadang-kadang roh itu memasuki tubuh babi atau harimau dan dipercayai binatang itu akan mengganggu orang yang menjadi musuh simati pada masa hidupnya. Jikalau roh itu baik ia akan menjelma menjadi haiwan yang jinak dan sekiranya sebaliknya roh itu akan menjelma di dalam tubuh haiwan yang liar. Ini juga disebut sebagai penjelmaan dewa-dewa sama ada jahat atau baik.



Menurut E. B Taylor, kepercayaan kepada makhluk halus dan ruh merupakan asas kepercayaan agama yang mula-mula tumbuh dalam alam pemikiran manusia primitif. Kepercayaan animisme merupakan satu bentuk culturals universal yang wujud dalam kalangan suku-suku primitif. Dalam kepercayaan rakyat di nusantara terdapat anggapan bahawa roh orang yang telah mati boleh masuk ke dalam tubuh binatang, misalnya suku Nias, di sebuah pulau yang terletak di barat Sumatera mempercayai seekor tikus yang keluar masuk rumah dianggap sebagai roh daripada orang yang telah mati beranak. Kadang-kadang roh itu memasuki tubuh babi atau harimau dan dipercayai binatang itu akan mengganggu orang yang menjadi musuh simati pada masa hidupnya. Jikalau roh itu baik ia akan menjelma menjadi haiwan yang jinak dan sekiranya sebaliknya roh itu akan menjelma di dalam tubuh haiwan yang liar. Ini juga disebut sebagai penjelmaan dewa-dewa sama ada jahat atau baik.

Islam mengubah pandangan dunia orang melayu daripada mempercayai dewa-dewa seperti yang mereka anuti pada zaman hindu kepada mempercayai tuhan Yang Maha Esa. Al Quran menjadi pegangan hidup dan sumber rujukan bagi umat Islam sama ada dalam hal-hal dunia dan akhirat. Segala aturcara sehari-harian adalah bergantung kepada ajaran Islam yang dibawa oleh junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Kepercayaan karut yang boleh merosakkan akidah umat Islam dan memecahbelahkan masyarakat lenyap beransur-ansur diganti dengan kepercayaan kepada Allah Yang Esa. Pegangan yang satu ini telah memulihkan semangat orang melayu bahawa tiada yang lain yang perlu ditakuti dan tiada kuasa lain yang lebih kuat melainkan Allah yang Maha Berkuasa.

Adat istiadat dalam masyarakat melayu bermula sejak seseorang itu lahir ke dunia. Sejak ibu mengandung hingga kanak-kanak yang dilahirkan itu membesar. Antaranya ialah adat melenggang perut sewaktu ibu mengandung, mencecah garam, menjejak kaki ke bumi dan beberapa acara perkahwinan dan kematian. Antaranya adat melenggang perut diamalkan di kalangan keluarga diraja dan juga rakyat jelata apabila kandungan ibu genap tujuh bulan. Upacara ini dilakukan oleh tok bidan dengan tujuan untuk membuang garuh atau kecelakaan yang mungkin menimpa ibu yang bakal bersalin. Ini adalah kepercayaan animisme pada unsur ghaib. Di dalam Islam, adat ini tidak wujud sama sekali dan ianya merupakan unsur-unsur kurafat dan syirik. Sebaliknya adat ini diganti dengan kenduri aruah dan bacaan doa selamat untuk si ibu dan anak yang bakal lahir agar segala-galanya selamat. Bagi upacara mencecah garam ke mulut kanak-kanak, ia



bersamaan dengan adat Hindu yang mencecah madu dan minyak sapi ke bibir bayi yang dilakukan oleh Brahmin supaya bayi itu panjang umur dan mendapat kebahagiaan di dalam hidupnya. Tapi bagi Islam adat ini diganti dengan mencecapkan air zam-zam atau kurma. Pembacaan mantera yang biasa dilakukan sebelum adat itu dilakukan juga digantikan dengan pembacaan surah Al-Fatihah dan Surah Al-Ikhlas kemudian dibacakan doa-memohon kepada Allah supaya memberkati hidup bayi tersebut.

Dalam adat perkahwinan pasangan yang berkahwin dikatakan raja sehari dan diadakan upacara bersanding sebagai kemuncak bagi upacara tersebut. Pasangan tersebut akan diletakkan di atas pelamin tanpa bergerak-gerak. Penggunaan sirih pinang, beras kunyit dan berinai juga merupakan pengaruh hindu. Walaubagaimanapun adat bersanding tidak berapa digalakkan di dalam Islam kerana ianya boleh membawa fitnah terhadap pengantin. Walaupun unsur-unsur budaya lama seperti meminang, berinai, dan bersanding masih dikekalkan oleh sesetengah orang melayu, namun upacara itu banyak disesuaikan dengan lunas-lunas agama Islam selagi ianya tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Pernikahan yang dijalankan itu misalnya dilakukan dengan menuruti hukum syarak. Sebagaimana yang ditetapkan pengantin lelaki mesti melafazkan penerimaan nikah daripada wali atau kadi dengan disaksikan oleh 2 orang saksi. Bagi melengkapkan upacara perkahwinan itu, kenduri kendara diadakan sesuai dengan suruhan Nabi Muhammad s.a.w. Akhir sekali apabila seseorang itu meninggal dunia warisnya akan mengadakan kenduri aruah dan bacaan tahlil mengira hari iaitu seperti 7 hari, 40 hari dan 100 hari. Walaubagaimanapun unsur-unsur ini telah kurang dilakukan mengikut hari kerana Islam tidak menetapkan hari untuk melakukan perkara-perkara kebaikan sebaliknya ianya terpulung kepada kita untuk melakukan bila-bila masa selagi terdaya.

Dalam bidang kesenian pengaruh India dapat dilihat pada binaan dan bangunan agama. Dalam hal ini pengaruh India jelas kelihatan pada penggunaan batu dan bata sebagai bahan utamanya kerana ia merupakan bahan yang lebih kekal dan dianggap sesuai untuk membina rumah dewa dan dewi. Oleh sebab itulah tugu agama yang dibina pada zaman purba masih dapat dikesan sehingga kini. Pengaruh ini jelas dilihat pada ukiran seni pahat dinding patung dewa Logam yang berupa arca. Selain itu terdapat patung Kuwera dan Hariti yang juga dipuja dalam agama Buddha. Dari segi ukiran, yang menjadi pola hiasan pada dinding candi-candi atau kuil ialah makhluk ajaib dan tumbuh-tumbuhan, sesuai dengan suasana Gunung Mahameru. Antara motif ukiran yang selalu digunakan ialah seperti kepala Kala, daun-daunan, ranting-ranting dan bunga teratai.



Dalam bidang kesenian pengaruh Islam pula dapat dilihat pada makam atau batu nisan, masjid dan perhiasan-perhiasannya. Batu nisan merupakan karya seni Islam yang pertama sekali masuk ke nusantara. Contohnya yang pernah ditemui ialah batu nisan Syeikh Abdul al-Qadir Husain Alam bertarikh 903 masihi yang dijumpai di Langgar Kedah. Pada permukaan makam-makam yang dijumpai ini terdapat tulisan yang dipahat daripada ayat Al-Quran serta ajaran Islam yang menekankan tentang hokum dan

tasawuf. Misalnya pada prasasti di di Pekan Pahang, tertulis ayat Al-Quran dengan gaya khat thuluth daripada surah Ali Imran ayat 185, surah Yunus ayat 62 serta nasihat bercorak kesufian. Dari segi corak batu nisan tersebut, di samping menerima pengaruh asing ia juga memancarkan daya kreativiti penduduk tempatan. Contohnya batu nisan Maulana Malik Ibrahim yang dibawa dari G. Jeram mempunyai bentuk seperti kepala terbalik yang menunjukkan adanya pengaruh Parsi.

Selain batu nisan, masjid merupakan karya seni Islam yang terpenting di nusantara. Dari segi coraknya, masjid-masjid yang menunjukkan corak dari abad 14 hingga abad 18 di mana ianya masih lagi berbentuk tradisional. Pengaruh tradisi ini dapat dilihat pada bentuknya yang tersusun sebagai lanjutan daripada seni Bali yang disebut Meru. Pengaruh Hindu lebih jelas lagi pada bentuk dan bangunan menara kudas yang didirikan pada zaman Sunan Kudus. Terdapat juga pengaruh masyarakat tradisi pada bentuk perhiasannya. Contohnya pola-pola yang menjadi perhiasan yang berasal dari zaman pra Islam seperti daun-daunan, bunga teratai, bukit-bukit karang, pemandangan dan garis-garis geometri. Di samping itu, terdapat juga perkembangan kaligrafi atau seni khat Islam. Ini dapat dilihat pada makam, masjid dan sebagainya. Contohnya masjid terdapat ukiran khat pada mihrab, mimbar, bingkai atau lengkung tiang dan sebagainya. Tidak dapat dinafikan bahawa seni ini juga dipengaruhi oleh unsur pra Islam yang telah lama seperti dengan masyarakat tempatan.

## PENGERTIAN TEORI KEBUDAYAAN

- Teori kebudayaan dapat digunakan untuk keperluan praktis, memperlancar pembangunan masyarakat di satu sisi pengetahuan teoritis tentang kebudayaan dapat mengembangkan sikap bijaksana dalam menghadapi serta menilai kebudayaan-kebudayaan yang lain dan pola perilaku yang bersumber pada kebudayaan sendiri.
- Pengetahuan yang ada belum menjamin adanya kemampuan untuk dapat digunakan bagi tujuan-tujuan praktis kerana antara teori dan praktek terdapat sisi-antara (*interface*) yang harus diteliti secara tuntas agar dengan pengetahuan yang diperoleh lebih lanjut dari penelitian yang dilakukan, konsekuensi dalam penerapan praktis dapat dikendalikan secara ketat. Dengan demikian akan didapat pemahaman tentang prinsip-prinsip dan konsep-konsep dasar yang melandasi pandangan-pandangan teoritis tentang kebudayaan.
- Secara garis besar hal yang dibahas dalam teori kebudayaan adalah memandang kebudayaan sebagai;
  - a) sistem adaptasi terhadap lingkungan
  - b) sistem adaptasi terhadap lingkungan
  - c) sistem tanda
  - d) teks, baik memahami pola-pola perilaku budaya secara analogis dengan wacana tekstual, maupun mengkaji hasil proses interpretasi teks sebagai produk kebudayaan
  - e) fenomena yang mempunyai struktur dan fungsi, dan
  - f) dipandang dari sudut filsafat.
- Sebelum lebih lanjut memahami teori kebudayaan ada baiknya kita meninjau terlebih dahulu wilayah kajian kebudayaan, atau lebih tepatnya Ilmu Pengetahuan Budaya. Jika menilik pembagian keilmuan seperti yang diungkapkan oleh Wilhelm Dilthey dan Heinrich Rickert, mereka membagi ilmu pengetahuan ke dalam dua bagian, iaitu *Naturwissenschaften* (ilmu pengetahuan alam) dimana dalam

proses penelitiannya berupaya untuk menemukan hukum-hukum alam sebagai sumber dari fenomena alam. Sekali hukum ditemukan, maka ia dianggap berlaku secara universal untuk fenomena itu dan gejala-gejala yang berkaitan dengan fenomena itu tanpa kecuali. Dalam *Naturwissenschaften* ini yang ingin dicari adalah penjelasan (*erklären*) suatu fenomena dengan menggunakan pendekatan nomotetis.

- Hal lain adalah *Geisteswissenschaften* (ilmu pengetahuan batin) atau oleh Rickert disebut dengan *Kulturwissenschaften* (ilmu pengetahuan budaya) dimana dalam tipe pengetahuan ini lebih menekankan pada upaya mencari tahu apa yang ada dalam diri manusia baik sebagai makhluk sosial maupun makhluk individu. Terutama yang berkaitan pada faktor-faktor yang mendorong manusia untuk berperilaku dan bertindak menurut pola tertentu. Upaya memperoleh pengetahuan berlangsung melalui empati dan simpati guna memperoleh pemahaman (*verstehen*) suatu fenomena dengan menggunakan pendekatan ideografis.

- Pada perkembangannya banyak ilmu-ilmu *geisteswissenschaften* dan *kulturwissenschaften* menggunakan pendekatan yang digunakan oleh *naturwissenschaften* seperti halnya Auguste Comte yang melihat suatu fenomena perkembangan masyarakat dengan menggunakan pendekatan positivistik. Jika di tilik tentang konsep kebudayaan, maka dapat dilihat dari dua sisi, yaitu, pertama, Konsep kebudayaan yang bersifat materialistis, yang mendefinisikan kebudayaan sebagai sistem yang merupakan hasil adaptasi pada lingkungan alam atau suatu sistem yang berfungsi untuk mempertahankan kehidupan masyarakat. Kajian ini lebih menekankan pada pandangan positivisme atau metodologi ilmu pengetahuan alam. Kedua, Konsep kebudayaan yang bersifat idealistis, yang memandang semua fenomena eksternal sebagai manifestasi suatu sistem internal, kajian ini lebih dipengaruhi oleh penekatan fenomenologi.

- Terlepas dari itu semua maka kebudayaan dapat diartikan sebagai suatu fenomena sosial dan tidak dapat dilepaskan dari perilaku dan tindakan warga masyarakat yang mendukung atau menghayatinya. Sebaliknya, keteraturan, pola, atau konfigurasi yang kelihatan pada perilaku dan tindakan warga suatu masyarakat tertentu dibandingkan perilaku dan tindakan warga masyarakat yang lain, tidaklah dapat dipahami tanpa dikaitkan dengan kebudayaan.

- Mengenai pembagian wilayah keilmuan ini terdapat kerancuan terutama yang berkenaan dengan peristilahan *human science* dan *humanities*. Pada masa Yunani dan Romawi, pendidikan yang berkaitan dengan *humanities* adalah yang berkaitan dengan pemberian keterampilan dan pengetahuan yang diperoleh melalui pendidikan agar seseorang mempunyai kemampuan untuk mengembangkan potensi dirinya tentang kemanusiaan yang berbudi dan bijaksana secara sempurna. Adapun mata pelajaran yang diberikan untuk mencapai hal itu adalah filsafat, kesusastraan, bahasa (retorika, gramatika), seni rupa dan sejarah. Maka dari penjelasan ini, *humanities* atau *humaniora* lebih mendekati pada ilmu pengetahuan budaya.

- Berbicara tentang kebudayaan maka tidak bisa terlepas dari peradaban. Berikut ini beberapa dimensi dari peradaban, diantaranya, pertama, Adanya kehidupan kota yang berada pada tingkat perkembangan lebih “tinggi” dibandingkan dengan keadaan perkembangan di daerah pedesaan. Kedua, Adanya pengendalian oleh masyarakat dari dorongan-dorongan elementer manusia dibandingkan dengan keadaan tidak terkendalinya atau pelampiasan dari dorongan-dorongan itu.

- Selain menganggap corak kehidupan kota sebagai lebih maju dan lebih tinggi dibandingkan dengan corak kehidupan di desa, dalam pengertian peradaban terkandung pula suatu unsur keaktifan yang menghendaki agar „kemajuan“ itu wajib disebarluaskan ke masyarakat dengan tingkat perkembangan yang lebih rendah, yang berada di daerah-daerah pedesaan yang terbelakang.

- Peradaban sebenarnya muncul setelah adanya masa kolonialisasi dimana ada semangat untuk menyebarkan dan menanamkan peradaban bangsa kolonial dalam masyarakat jajahannya, sehingga pada masa itu antara masyarakat yang “beradab” dan “kurang beradab” dapat digeneralisasikan



sebagai corak kehidupan barat versus corak kehidupan bukan barat. Unsur lain yang terkandung dalam makna, peradaban adalah kemajuan sistem kenegaraan yang jelas dapat dikaitkan dengan pengertian *civitas*. Implikasinya adalah bahawa penyebaran sistem politik barat dapat merupakan kaedah yang memungkinkan penyebaran unsur-unsur peradaban lainnya. Corak kehidupan kota atau kehidupan yang beradab pada hakikatnya berarti tata pergaulan sosial yang sopan dan halus, yang seakan-akan mengikis dan melicinkan segi-segi kasar.

Gagasan kebudayaan, baik sebagai sistem kognitif maupun sebagai sistem struktural, bertolak dari anggapan bahwa kebudayaan adalah sistem mental yang mengandung semua hal yang harus diketahui individu agar dapat berperilaku dan bertindak sedemikian rupa sehingga dapat diterima dan dianggap wajar oleh sesama warga masyarakatnya.

- Dari penjelasan definisi peradaban diatas yang hampir merangkum semua unsur adalah definisi yang diambil dari bahasa Belanda (*beschaving*) yang mengatakan bahwa peradaban meliputi tatacara yang memungkinkan berlangsungnya pergaulan sosial yang lancar dan sesuai dengan norma-norma kesopanan yang berlaku dalam masyarakat barat.
- Dalam mengkaji kebudayaan, unit analisa atau objek dari kajiannya dapat dikategorikan kedalam lima jenis data, iaitu,
  - a) artifak yang digarap dan diolah dari bahan-bahan dalam lingkungan fisik dan hayati,
  - b) perilaku kinetis yang digerakkan oleh otot manusia,
  - c) perilaku verbal yang mewujudkan diri ke dalam dua bentuk, iaitu tuturan yang terdiri atas bunyi bahasa yang dihasilkan oleh pita suara dan otot-otot dalam rongga mulut, dan
  - d) teks yang terdiri atas tanda-tanda visual sebagai representasi bunyi bahasa atau perilaku pada umumnya.

Baik artifak, teks, maupun perilaku manusia memperlihatkan tata susunan atau pola keteraturan tertentu yang dijadikan dasar untuk memperlakukan hal-hal itu sebagai data yang bermakna, kerana merupakan hasil kegiatan manusia sebagai mahluk yang terikat pada kelompok atau kolektiva, dan kerana keterikatan itu mewujudkan kebermaknaan itu.

- Teori kebudayaan adalah usaha untuk mengonseptualkan kebermaknaan itu, untuk memahami pertalian antara data dengan manusia dan kelompok manusia yang mewujudkan data itu. Teori kebudayaan adalah usaha konseptual untuk memahami bagaimana manusia menggunakan kebudayaan untuk melangsungkan kehidupannya dalam kelompok, mempertahankan kehidupannya melalui penggarapan lingkungan alam dan memelihara keseimbangannya dengan dunia supranatural. Keragaman teori kebudayaan dapat ditinjau dari dua perspektif, iaitu,
  - perspektif perkembangan sejarah yang melihat bahwa keragaman itu muncul kerana aspek-aspek tertentu dari kebudayaan dianggap belum cukup memperoleh elaborasi, dan
  - perspektif konseptual yang melihat bahawa keragaman muncul kerana pemecahan permasalahan konseptual berlaku menurut pandangan yang berbeza-beza.



*De Saussure* merumuskan setidaknya ada tiga prinsip dasar yang penting dalam memahami kebudayaan, iaitu:

- Tanda (dalam bahasa) terdiri atas yang menandai (*signifiant, signifier*, penanda) dan yang ditandai (*signifié, signified*, petanda). Penanda adalah citra bunyi sedangkan petanda adalah gagasan atau konsep. Hal ini menunjukkan bahwa setidaknya konsep bunyi terdiri atas tiga komponen (1) artikulasi kedua bibir, (2) pelepasan udara yang keluar secara mendadak, dan (3) pita suara yang tidak bergetar.
- Gagasan penting yang berhubungan dengan tanda menurut Saussure adalah tidak adanya acuan ke realiti objektif. Tanda tidak mempunyai *nomenculture*. Untuk memahami makna maka terdapat dua cara, iaitu, pertama, makna tanda ditentukan oleh pertalian antara satu tanda dengan semua tanda lainnya yang digunakan dan cara kedua kerana merupakan unsur dari batin manusia, atau terekam sebagai kode dalam ingatan manusia, menentukan bagaimana unsur-unsur realiti objektif diberikan signifikasi atau kebermaknaan sesuai dengan konsep yang terakam.
- Permasalahan yang selalu kembali dalam mengkaji masyarakat dan kebudayaan adalah hubungan antara individu dan masyarakat. Untuk bahasa, menurut Saussure ada *langue* dan *parole* (bahasa dan tuturan). *Langue* adalah pengetahuan dan kemampuan bahasa yang bersifat kolektif, yang dihayati bersama oleh semua warga masyarakat; *parole* adalah perwujudan *langue* pada individu. Melalui individu direalisasi tuturan yang mengikuti kaidah-kaidah yang berlaku secara kolektif, kerana kalau tidak, komunikasi tidak akan berlangsung secara lancar.

## ADAT DALAM MASYARAKAT MELAYU

Sistem sosial masyarakat Melayu sangat kuat hubungannya dengan adat dan tradisi yang diwarisi. Segala sistem nilai dan norma yang menentukan tingkah laku mereka diperturunkan daripada generasi tua kepada generasi muda zaman berzaman. Walaupun berlaku pertembungan pelbagai budaya seperti yang kita bincangkan sebelum ini, namun selagi budaya baru itu tidak bercanggah dengan agama Islam, budaya itu diterima. Dalam masyarakat Malaysia banyat adat yang diamalkan sehingga hari ini akhirnya lebih dikenali sebagai adat resam. Walau bagaimanapun, dalam masyarakat Melayu konsep adat berteraskan kepada 4 jenis adat yang mesti dipatuhi oleh setiap individu dalam masyarakat tersebut.

Dalam masyarakat Melayu terdapat empat jenis adat, iaitu;

- 1) Adat yang sebenarnya adat
- 2) Adat yang diadatkan
- 3) Adat yang teradat

#### 4) Adat istiadat

##### **Adat yang sebenarnya adat**

Sebelum kedatangan agama Islam, adat yang sebenarnya adat adalah aturan dalam masyarakat yang dicontoh dan dipelajari. Adat ini diterapkan dari hukum alam (undang-undang) atau hukum tabii atau natural law seperti adat api panas, adat air adalah basah, terkena hujan lapuk, terkena panas lejang. Adat yang sebenarnya adat ini tidak boleh berubah lantaran peraturannya diambil daripada tabii alam.

Hal ini banyak terungkap dalam peraturan-peraturan pepatah-petitih seperti :

Nan setitik jadikan laut  
 Nan sekepal jadikan gunung  
 Alam terkembang jadikan guru

##### **Adat yang diadatkan**

Pada mulanya adat yang diadatkan ini adalah adat yang sebenarnya adat, diadatkan oleh kata sepakat anggota masyarakat sehingga ia menjadi sebagai undang-undang masyarakat. Adat yang diadatkan ini tetap berkuasa dalam masyarakat selama ia ditaati oleh orang ramai tetapi ia dapat berubah menurut keadaan.

Adat yang diadatkan terungkap dalam kata pepatah seperti contoh berikut;

Bulat air ke pembuluh  
 Bulat kata ke mufakat  
 Berat sama dipikul  
 Ringan sama dijinjing  
 Penghulu beraja ke mufakat  
 Mufakat beraja ke benar  
 Benar berdiri sendirinya  
 Berjenjang naik bertangga turun

##### **Adat yang teradat**

Adat yang teradat ialah adat yang telah diterima oleh masyarakat sebagai kebiasaan hidup sehari-hari tanpa ditetapkan lebih dahulu. Seperti kata pepatah;

Adat sepanjang jalan  
 Lain padang lain belalang

Lain lubuk lain ikan  
 Lain negeri lain adat  
 Patah tumbuh hilang berganti

### **Adat istiadat**

Adat istiadat : ialah adat yang bersifat upacara-upacara seperti pertabalan, nikah kahwin, berkhatan dan lain-lain. Adat istiadat akan dan sentiasa diamalkan oleh sesuatu masyarakat atau sesuatu institusi.

Misalnya,

- a) Adat istiadat Hari Keputeraan Rasmi DYMM Seri Paduka Yang Dipertuan Agong
- b) Hari Kebangsaan Malaysia 31 Ogos
- c) Sambutan Maulud Nabi SAW
- d) Adat istiadat Pertabalan Raja dan Sultan, dan

Lain-lain adat yang diterima sebagai peraturan masyarakat.

### **ADAT RESAM**

Terhasil daripada adat yang diadatkan. Adat resam banyal terdapat dalam setiap lapisan masyarakat berdasarkan ajaran agama dan juga kepercayaan bangsa yang akhirnya diterima sebagai satu kebiasaan yang dipanggil resam. Dalam masyarakat Melayu terdapat banyak adat resam yang mesti dipatuhi sebagai satu kebiasaan atau kelaziman. (Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2003:173)

### **RUMUSAN**

- Kebudayaan merupakan keseluruhan cara hidup berperanan penting dalam proses pembangunan negara di Malaysia di mana keperibadian Malaysia harus dipupuk dalam usaha-usaha yang dijalankan ke arah meningkatkan pembangunan sosioekonomi dan politik. Ini sudah tentunya memerlukan pengemblengan dan penglibatan semua lapisan masyarakat dalam satu proses yang berterusan.
- Unsur-unsur budaya selalu bergerak, tersebar atau meresap dari satu budaya kepada satu budaya lain dengan berbagai-bagai cara dan jalinan difusi itu merupakan satu kompleks yang tersendiri. Perpindahan budaya itu menjadi satu gabungan atau kompleks yang agak sukar untuk dipisahkan. Sesuatu unsur budaya itu mempunyai kait mengait dengan unsur-unsur budaya lain yang menjadikannya sebagaimana satu kebudayaan yang kompleks.
- Kebudayaan dan adat ahli masyarakat Malaysia walaupun berbeza, namun mempunyai asas yang sama, iaitu membentuk keperibadian dan jati diri individu ke arah yang lebih baik. Budaya kebangsaan ini dapat melahirkan satu negara bangsa Malaysia yang maju, progresif, saintifik dan bersatu padu tanpa ada unsur-unsur negatif dalam kehidupan masyarakat majmuk.

## KATA KUNCI

etnografi  
jati diri budaya  
adat  
sistem tanda  
budaya rendah

superorganik  
evolusi budaya  
adat istiadat  
budaya popular  
asimilasi

persejarahan peribumi  
difusi budaya  
adat resam  
budaya tinggi  
peradaban

## LATIHAN KENDIRI

1. Jelaskan intipati asas kebudayaan kebangsaan.
2. Adat Melayu mengutamakan budi, salah satu ajaran Islam ialah akhlak. Apakah hubungan adat dengan budi? Jelaskan.
3. Bincangkan bagaimana sesuatu kebudayaan itu dapat menyerap masuk ke dalam kebudayaan lain.
4. Bincangkan bagaimana perilaku seseorang dalam anggota masyarakat dapat dianggap sebagai satu fenomena sosial.
5. Banyak adat isitiadat yang diwarisi semakin pupus. Jelaskan bagaimana keadaan ini boleh berlaku dan beri contoh-contoh yang sesuai untuk membuktikan penjelasan anda.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2003. *Tamadun rumpun budaya Melayu*. KL: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
- Abdul Rahman Haji Ismail. 1985. "Sejarah Melatyu: Antara dan Dakyah". Kajian Malaysia, Jilid III, NO.2.
- Anwar Di (ed), 2007. *Asas kebudayaan dan kesenian Melayu*. Bangi: Penerbit UKM
- Bottom, J.C. 1962. "Malay Historical Works" dalam K.G.Tregonning (ed.). Singapore: Malaysian Historical Sources.
- Hassan Ahmad (2007). "Makna Sebuah Kedaulatan: Pandangan Melayu Terhadap Dirinya", dalam *Dewan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hamid (1988). *Masyarakat dan budaya Melayu*. KL:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein, A. Aziz Deraman dan Abd. Rahman Al-Ahmadi, ed (1993). *Tamadun Melayu Jilid 1-5*. KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman (1983). *Bunga rampai kebudayaan Melayu*. KL:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman (1983). *Kajian budaya dan masyarakat di Malaysia*. KL:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thilagavathi Gunalan, V. (2005). "Dari Bukit SiGuntang ke Bukit Larangan: Parameswara dalam teks Sejarah Melayu" dalam Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusoff Hashim (penyt.)
- Yusoff Iskandar (1986). "Sejarah Melayu Sastera yang Bercorak Sejarah", dalam Zahrah Ibrahim (penyt.), *Sastera Sejarah: Interpretasi dan Penilaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.